

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
KAWASAN : KOTA MELAKA
NO. SOALAN : 312

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tentang insentif dan galakan lain yang diberi kepada pengguna-pengguna kereta " Hybrid " berikan butiran termasuk insentif yang ditawarkan oleh kerajaan-kerajaan negeri, tempatan dan daerah:

- a) setakat ini berapa peratusan kereta "Hybrid" di dalam jalan raya negara ini; dan
- b) apakah sasaran Kementerian bagi penggunaan kereta " Hybrid " pada tahun 2020.

JAWAPAN

Sejak insentif pengecualian cukai diperkenalkan melalui bajet tahunan bermula Bajet 2009, jumlah jualan kereta hibrid telah meningkat secara mendadak. Sehingga kini, jumlah jualan kereta hibrid di Malaysia sudah pun melebihi 30,000 unit. Pada tahun 2013, jumlah jualan kereta hibrid adalah sebanyak 19,029 unit, iaitu sebanyak 3.3 peratus daripada jumlah jualan keseluruhan kenderaan penumpang di Malaysia.

Berhubung dengan sasaran bagi penggunaan kereta hibrid menjelang tahun 2020, Kerajaan melalui NAP 2014 telah mensasarkan pengeluaran kenderaan bermotor sebanyak 1.35 juta unit setahun di mana 1.15 juta unit adalah kenderaan bertenaga efisien atau dengan izin, *Energy Efficient Vehicle* (EEV). EEV ditarifkan sebagai kenderaan yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan bagi penggunaan bahan bakar secara lebih efisien dengan pelepasan bahan asap yang lebih rendah dan takrifan ini turut merangkumi kereta hibrid.